



**UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA**

Hang Tuah Jaya, 76109, Durian Tunggal Melaka.

Tel : 06-331 6161 Faks : 06-331 6115

Email : *bendahari@utem.edu.my*



**PEJABAT BENDAHARI**

Rujukan Kami (Our Ref.) : UTeM.03.04.01/100-3/3/2 (5)

Rujukan Tuan (Your Ref.) :



28 Februari 2011

25 Rabiul Awal 143 H

**SURAT PEKELILING BENDAHARI BILANGAN 3/2011**

Ketua Pusat Tanggungjawab  
Universiti Teknikal Malaysia Melaka  
Hang Tuah Jaya  
76100 Durian Tunggal  
Melaka

Assalamualaikum wrt. wbt.

Y. Bhg. Datuk/Prof./Dr./Tuan/Puan,

**PENUBUHAN JAWATANKUASA PENGURUSAN ASET UNIVERSITI**

**1.0 TUJUAN**

Surat Pekeliling ini bertujuan memaklumkan penubuhan Jawatankuasa Pengurusan Aset Universiti (JKPAU) di Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM). Menerusi penubuhan jawatankuasa ini, aspek pengurusan aset Universiti dapat dirancang, dipantau, diawasi serta diselia di bawah penubuhan jawatankuasa ini.

**2.0 LATAR BELAKANG**

2.1 Berdasar Pekeliling Perbendaharaan Bilangan 5 Tahun 2007, Jawatankuasa Pengurusan Aset Alih Kerajaan (JKPAAK) hendaklah ditubuhkan bagi merancang, memantau, mengawasi dan menyelia semua aspek pengurusan aset alih kerajaan. Mesyuarat tersebut hendaklah diadakan sekurang-kurangnya sekali dalam tempoh tiga (3) bulan dan hasil mesyuarat hendaklah dilaporkan kepada Jawatankuasa Pengurusan Kewangan dan Akaun (JPKA).

- 2.2 Pada masa kini, pengurusan aset di Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM) dibentangkan pada Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Kewangan dan Akaun (JPKA) Universiti yang melaporkan secara umum mengenai kedudukan terkini aset UTeM.
- 2.3 Melalui semakan Audit Negara dan Laporan Pengauditan Pengurusan Kewangan Tahun 2010 Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM) yang telah dikeluarkan, pihak Audit Negara mengesyorkan Jawatankuasa Pengurusan Aset Kerajaan (JKPAK) ditubuhkan supaya pengurusan aset dapat dilaksanakan dengan lebih berkesan.
- 2.4 Menerusi penubuhan jawatankuasa ini, mesyuarat hendaklah diadakan sekurang-kurangnya sekali dalam tempoh tiga (3) bulan yang membincangkan kedudukan aset, laporan hasil pemeriksaan aset, laporan tindakan pelupusan dan masalah berkaitan dengan pengurusan aset sebelum dilaporkan pada Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Kewangan dan Akaun.
- 2.5 Pertukaran nama jawatankuasa ini ditukar dari Jawatankuasa Pengurusan Aset Alih Kerajaan (JKPAAK) kepada Jawatankuasa Pengurusan Aset Universiti (JKPAU).

### **3.0 KEAHLIAN JAWATANKUASA**

- 3.1 Keahlian jawatankuasa ini terdiri daripada Timbalan Bendahari sebagai Pengerusi dan ahli-ahlinya pula terdiri daripada semua Pegawai Aset di Pusat Tanggungjawab (PTj) Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM) yang telah dilantik oleh Ketua PTj.
- 3.2 Manakala urusetia bagi jawatankuasa ini adalah Unit Rekod Aset dan Stor Bekalan Pejabat.

### **4.0 PERANAN DAN TANGGUNGJAWAB PUSAT TANGGUNGJAWAB**

- 4.1 Ketua Pusat Tanggungjawab (PTj) perlu memastikan struktur pengurusan aset di Pusat Tanggungjawab (PTj) ditubuhkan dan menjadikan jawatankuasa tersebut sebagai platform kepada Pusat Tanggungjawab masing-masing bagi membincangkan pengurusan aset universiti. Perkara yang dibincangkan dalam mesyuarat tersebut adalah seperti berikut:

#### **4.1.1 Kedudukan Semasa Aset Universiti;**

- Struktur Organisasi Pengurusan Aset di PTj.
- Senarai Aset dan Inventori mengikut sukuan oleh setiap PTj.

**4.1.2** Laporan Hasil Pemeriksaan Aset bagi setiap PTj;

- Status pemeriksaan setiap PTj.
- Laporan Hasil Pemeriksaan.
- Tindakan hasil daripada pemeriksaan yang dijalankan.

**4.1.3** Laporan Tindakan Pelupusan;

- Status permohonan pelupusan.
- Pemakluman aset yang hendak dilupuskan.

**4.1.4** Laporan Kehilangan Aset bagi setiap PTj

- Laporan kehilangan yang diterima.
- Laporan Polis dalam tempoh 24 jam.
- Laporan Awal yang telah dibuat.
- Kawalan Keselamatan Aset.

**4.1.5** Masalah-masalah berkaitan dengan pengurusan aset universiti serta cadangan penambahbaikan.

4.2 Setelah itu, hasil mesyuarat tersebut hendaklah dibawa kepada Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Aset Universiti (JKPAU) bagi tujuan merancang, memantau, mengawasi dan menyelia semua aspek pengurusan aset di UTeM serta melaporkannya kepada Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Kewangan dan Akaun (JPKA).

**5.0 TUGAS JAWATANKUASA PENGURUSAN ASET UNIVERSITI (JKPAU)**

5.1 Bidang tugas Jawatankuasa Pengurusan Aset Universiti adalah merancang, memantau, mengawasi dan menyelia semua aspek pengurusan aset di UTeM.

5.2 Mesyuarat JKPAU hendaklah diadakan sekurang-kurangnya sekali dalam tempoh tiga (3) bulan dan hasil mesyuarat hendaklah dilaporkan kepada Jawatankuasa Pengurusan Kewangan dan Akaun (JPKA).

5.3 Selain itu, jawatankuasa ini akan mendapatkan hasil mesyuarat yang telah dilakukan di peringkat Pusat Tanggungjawab bagi tujuan merancang, memantau, mengawasi dan menyelia semua aspek pengurusan aset di UTeM.

## 6.0 KUATKUASA PEKELILING

Pekeliling ini berkuatkuasa dari tarikh ianya dikeluarkan.

Sekian, terima kasih.

Wassalam.

Saya yang menurut perintah,



**KHAIRUL BIN TAIB**

Bendahari

Pejabat Bendahari

 2014

kaat/transcend/ulem/sural/surat pekelling JKPAU

s.k **Y.Bhg. Prof Datuk Dr. Ahmad Yusoff bin Hassan**  
Naib Canselor

**Y.Bhg. Dato' Prof. Dr. Mohd Nor bin Husain**  
Timbalan Naib Canselor Akademik & Antarabangsa

**Y.Bhg. Prof. Dato' Dr. Mohamad Kadim bin Suaidi**  
Timbalan Naib Canselor Penyelidikan & Inovasi